

30 OCT 2000

Mahathir-Brunei

BRUNEI MAHU MALAYSIA MAIN PERANAN PENTING DALAM APEC

Oleh: Jackson Sawatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Okt (Bernama) -- Brunei, negara tuan rumah mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) tahun ini, telah meminta Malaysia untuk memainkan peranan penting dalam menyuarakan pandangan Asia pada mesyuarat berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata hasrat itu dinyatakan Sultan Brunei, Sultan Hassanah Bolkhiah pada pertemuan empat mata antara kedua-dua pemimpin di sini malam tadi.

"Kita ada berbincang juga mengenai mesyuarat Apec yang mana Brunei akan menjadi tuan rumah dan Brunei ingin Malaysia mengambil bahagian yang agak penting juga dalam mesyuarat itu untuk mengemukakan pandangan daripada Asia," katanya kepada pemberita pada akhir lawatan dua hari di sini hari ini.

Pertemuan empat mata antara kedua-dua pemimpin itu berlangsung kira-kira sejam di Istana Nurul Iman.

Ketika ditanya mengenai perkara yang akan dibincangkan pada Apec 2000 yang dijadual pada 10 Nov hingga 16 Nov ini, Dr Mahathir berkata ia dijangka menyentuh perkara-perkara berkaitan globalisasi.

"Saya fikir ia masih lagi soal globalisasi kerana ramai yang khuatir sama ada globalisasi akan membawa kebaikan atau keburukan kepada negara-negara membangun. Negara maju menganggap globalisasi sebagai sesuatu yang baik tapi mungkin tidak baik untuk kita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, perbincangan malam tadi turut menyentuh hubungan antara Malaysia dan Brunei.

"Kita juga membincangkan keadaan di negara-negara Asia Tenggara dan sama ada ia mempunyai kesan atau tidak terhadap Malaysia dan Brunei," katanya.

Mengenai lawatannya ke negara ini, Dr Mahathir berkata ia mencapai matlamat untuk merapatkan hubungan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata lawatan seumpama itu akan diadakan pada setiap tahun dengan kedua-dua negara secara bergilir-gilir menjadi tuan rumah.

"Ada juga cadangan supaya pegawai-pegawai (dari kedua-dua negara) membuat lawatan ke sini dan ke Kuala Lumpur...kita juga dapati sekarang lebih ramai rakyat Brunei datang ke Malaysia dan ini memang digalakkan oleh kedua-dua pihak," katanya.

-- BERNAMA

JS AKD